

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | 50 peserta ikuti Kursus Risiko dan Ancaman Penyakit Berbahaya Terhadap Ladang | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Sarawak | | |
| Date | 20 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 31,034 |
| Page No | 7 | Readership | 93,102 |
| Language | Malay | ArticleSize | 244 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 909 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,728 |



50 peserta ikuti Kursus Risiko dan Ancaman Penyakit Berbahaya Terhadap Ladang Hutan

BINTULU: Seramai 50 peserta menghadiri Kursus Risiko dan Ancaman Penyakit Berbahaya Terhadap Ladang Hutan di Sarawak di sebuah hotel dan ladang hutan di sini bermula 16 Julai hingga kelmarin.

Kursus itu merupakan anjuran bersama Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation (SFC) dan Persatuan Kayu Kayan Sarawak (STA) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang kursus tersebut antaranya pembentangan kertas kerja berkaitan pengenalan dan pengesanan penyakit-penyakit pokok, penyakit dan serangan serangga perosak di Sarawak, kaedah pengawasan udara mengesan anomali di hutan yang ditanam di Sarawak, pengurusan penyakit dan perosak serta pengendalian racun perosak.

Selain itu turut dibentangkan survei, penilaian dan pemantauan, pemencilan sampel penyakit

dan penghasilan bahan tanaman berkualiti.

Antara lain, tugas kerja kumpulan merangkumi penubuhan plot, pengesanan penyakit dan perosak, penilaian penyakit dan perosak serta pengambilan sampel penyakit atau perosak, analisis data dan pembentangan tugas dalam kumpulan.

Peserta-peserta kursus terdiri daripada kakitangan Jabatan Hutan Sarawak, SFC, STA dan pelesen-pelesen berkaitan ladang hutan.



UNTUK ALBUM: Peserta Kursus Risiko dan Ancaman Penyakit Berbahaya Terhadap Ladang Hutan di Sarawak merakamkan gambar kenangan.